

INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM TRADISIONAL DI PERAK: ANALISIS PERANAN DALAM PENGAJIAN HADITH

Suhaimi Abdul Wafirⁱ, Mohamad Faizal Abd Rahmanⁱⁱ, Munazzahah Zulkifliⁱⁱⁱ

ⁱ Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Emel: suhaimi@usas.edu.my

ⁱⁱ (Corresponding Author), Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Emel: mohamadfaizal@usas.edu.my

ⁱⁱⁱ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kompleks Islam Putrajaya, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Emel: munazzahah@gmail.com

ABSTRAK

Institusi pendidikan Islam tradisional merujuk kepada institusi yang berfungsi sebagai pusat pendidikan agama yang memainkan peranan yang signifikan dalam menyebarkan agama Islam dan membentuk identiti masyarakat Melayu Islam. Sistem pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan berdasarkan kurikulum Islam tradisional yang menjadikan al-Quran dan hadith sebagai sumber utama. Institusi pendidikan Islam tradisional di negeri Perak mempunyai peranan penting dalam mengekalkan dan mengembangkan pengajian hadith. Namun begitu, penekanan terhadap pendidikan moden telah menyebabkan peranan institusi pendidikan Islam tradisional kurang diberi perhatian akademik dan didokumentasikan dengan baik. Justeru, makalah ini bertujuan untuk mengenalpasti peranan institusi pendidikan Islam tradisional di Perak dari segi pendekatan dan metodologi pengajian hadith dalam usaha memelihara keaslian ilmu hadith. Kajian ini berasaskan reka bentuk kualitatif yang menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhatian dalam pengumpulan data. Kemudian data dianalisis menggunakan analisis tekstual dan tematik dalam menentukan peranan institusi pendidikan Islam tradisional di Perak terhadap pengajian hadith. Dapatkan kajian menunjukkan institusi pendidikan Islam tradisional di Perak berperanan penting dalam pengajian hadith dengan menekankan pendekatan tradisional. Makalah ini dimulakan dengan silibus hadith yang dimasukkan dalam sistem pengajaran. Seterusnya pendekatan pengajian yang digunakan seperti *muqābalah*, *mutala'ah*, *muzākarah*, *muhāfazah* dan pemberian ijazah oleh guru. Pendekatan ini berfungsi sebagai mekanisme utama dalam memastikan keaslian ilmu hadith terus terpelihara serta menjamin kesinambungan tradisi pengajian hadith secara berterusan.

Kata-kata kunci: Institusi; Pendidikan; Tradisional; Peranan; Pengajian Hadith

PENGENALAN

Institusi pendidikan Islam tradisional memiliki peranan penting dalam penyebaran ilmu khususnya di alam Melayu. Bermula dari pengajian berbentuk *halaqah* di rumah tuan guru, kemudiannya berkembang ke pengajian di surau-surau dan masjid. Fasa seterusnya melahirkan institusi pengajian yang lebih teratur di pondok-pondok dengan silibus pengajian kitab-kitab turath (Suhaimi, 2006). Institusi pendidikan Islam tradisional memainkan peranan yang signifikan dalam menyebarkan agama Islam dan membentuk identiti masyarakat Melayu Islam.

Pada masa yang sama, institusi pendidikan Islam tradisional tidak hanya menumpukan kepada pengajaran ilmu fardu ain semata-mata tetapi turut memberikan penekanan kepada ilmu al-Quran dan hadith. Pengajian hadith tersebut merangkumi ilmu *dirāyah* dan *riwāyah* hadith sebagai disiplin dalam menulis, memahami dan menyebarkan hadith. Pengajian hadith di alam Melayu juga melalui evolusi perkembangan seiring dengan perkembangan ilmu agama yang lain. Pengajian hadith bukan sekadar untuk memahami perkataan, tindakan, dan persetujuan Nabi Muhammad SAW semata-mata bahkan ianya memainkan peranan penting dalam menyelidik dan mengesahkan keaslian hadith serta menerapkannya dalam konteks semasa (Mohamad Faizal, A. R., Suhaimi, A.W. & Munazzahah, Z., 2024).

Selain itu, Institusi pendidikan Islam tradisional di negeri Perak mempunyai peranan penting dalam mengekalkan dan mengembangkan pengajian hadith. Pada masa kini, antara institusi pendidikan Islam tradisional yang masih mengekalkan sistem pengajian secara tradisional di Perak ialah al-Madrasah al-Latifiyyah yang terletak di Pengkalan Hulu, Hulu Perak atau lebih dikenali dengan nama Pondok Pak Teh (Amalul Izzah, 2003). Institusi ini telah didirikan oleh Dato' Tuan Guru Haji Abdul Latif sebaik sahaja kembali ke kampung halaman beliau pada tahun 1967, setelah menamatkan pengajian beliau di Pondok *al-Madrasah al-Diniyyah al-Bakriyyah*, Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan. Makalah ini menjadikan Pondok Madrasah al-Latifiyyah sebagai skop kajian kerana institusi ini masih mengekalkan tradisi pengajian yang memenuhi kriteria selaras dengan objektif kajian yang digariskan.

Institusi pendidikan Islam tradisional telah banyak memberi sumbangan besar kepada perkembangan pengajian Islam di negeri Perak, bahkan pondok merupakan pusat pengajian Islam yang pertama secara khusus diadakan di negeri ini sebelum wujudnya sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi (Suhaimi, 2006). Namun begitu, penekanan terhadap pendidikan moden telah menyebabkan peranan institusi pendidikan Islam tradisional kurang diberi perhatian akademik dan didokumentasikan dengan baik. Bertitik tolak daripada hal ini, kajian ini akan mengenalpasti peranan institusi pendidikan Islam tradisional di Perak dari segi pendekatan dan metodologi pengajian hadith dalam usaha memelihara keaslian ilmu hadith.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif. Pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhatian. Kaedah dokumentasi yang digunakan adalah dengan melakukan semakan dokumen yang berkaitan seperti buku, artikel dan kajian yang berkaitan dengan institusi pendidikan Islam tradisional seperti pondok bagi mendapatkan maklumat. Manakala,

kaedah pemerhatian yang dijalankan adalah pemerhatian peserta. Data diambil dari pemerhatian secara langsung dalam proses pembelajaran dan pengajaran khususnya aspek-aspek metode pengajian hadith dalam sesi pengajaran. Data dianalisis menggunakan analisis kandungan terhadap teks daripada sumber dokumen rasmi dan tidak rasmi. Seterusnya analisis dokumen dan tematik turut digunakan dalam menentukan peranan institusi pendidikan Islam tradisional di Perak terhadap pengajian hadith.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini menghasilkan beberapa dapatan kajian selaras dengan objektif kajian yang digariskan. Kajian menunjukkan peranan institusi pendidikan Islam tradisional di Perak dalam pengajian hadith merangkumi ilmu *dirāyah* dan *riwāyah*. Beberapa aspek yang diberikan penekanan dalam pengajian hadith di institusi pendidikan Islam tradisional iaitu silibus hadith yang dimasukkan dalam pengajian dan pendekatan pengajian yang digunakan seperti *muqābalah*, *mutala'ah*, *muzākarah*, *muhāfazah* dan pemberian ijazah oleh guru.


Silibus Pengajian Hadith

Pengajian hadith di Institusi ini merangkumi ilmu *dirāyah* dan *riwāyah*. Pengajian hadith diajar dengan meluas dengan menumpukan kepada kitab-kitab induk dalam ilmu hadith. Di antara kitab-kitab hadith *al-dirāyah* yang dipelajari ialah *Al-Manzumah al-Bayquniyyah* dan *Syarah al-Bayquniyyah*. Manakala kitab-kitab Hadith *al-riwāyah* adalah seperti *al-Jami‘ al-Sahih al-Bukhari*, *al-Jami‘ al-Sahih Muslim*, *Sunan Abi Dawud*, *Sunan al-Tirmidhi*, *Sunan al-Nasa’I*, *Muwatta’ al-Imam Malik*, *Jawahir al-Bukhari*, *Mukhtasar Abi Jamrah*, *Matn al-Arbai’in*, *Riyad al-Salihin*, *al-Adhkar al-Nawawiyyah*, dan *Durrah al-Nasihin*.

Kitab-kitab yang telah disenaraikan akan dipelajari secara keseluruhan bermula di halaman pertama hingga akhir. Kebiasaannya, tempoh yang diambil untuk menamatkan pengajian sesebuah kitab bergantung kepada bilangan muka suratnya. Jika kitab tersebut mempunyai bilangan muka surat yang banyak maka tempoh yang diambil untuk menghabiskan pengajian kitab tersebut akan menjadi lebih lama. Sebagai contoh, *al-Jami‘ al-Sahih al-Bukhari* mengambil masa lebih kurang 15 tahun, *al-Jami‘ al-Sahih Muslim* lebih kurang 10 tahun, *Sunan Abi Dawud* lebih kurang 5 tahun, *Jawahir al-Bukhari* lebih kurang 3 tahun, dan *Bulugh al-Maram* lebih kurang 1 tahun. Oleh hal yang demikian, tidak menjadi suatu perkara yang pelik jika ada di kalangan penuntut yang belajar sehingga puluhan tahun untuk menamatkan pengajian mereka, malah sebahagian mereka dilantik menjadi kepala *mutala'ah* bagi tujuan mengajar penuntut yang baru. Sementara itu, kitab-kitab yang dipelajari merupakan kitab-kitab induk *al-Sunnah* (*Ummahat Kutub al-Sunnah*).

Silibus pengajian hadith ini mempunyai peranan dan kepentingan dalam mendidik pelajar supaya melaksanakan dan menterjemahkan hadith Rasulullah SAW dalam kehidupan masyarakat serta mananamkan sifat kasih dan sayang terhadap Rasulullah SAW. Seterusnya, membentuk akhlak masyarakat sebagaimana akhlak dan budi pekerti Rasulullah SAW (Hj. Abd. Latif, 2005).

Seterusnya, pendekatan pengajian yang diterapkan dalam Institusi Pendidikan Islam Tradisional mempunyai peranan yang sangat penting dalam pengajian hadith iaitu:



Muqābalah

Muqābalah dalam konteks Institusi Pendidikan Islam Tradisional merujuk kepada pertemuan atau berhadapan antara murid dan guru atau juga dikenali sebagai bertalaqi bersama guru. Sistem talaqqi dan musyafahah antara perkara utama yang ditekankan dalam Institusi pendidikan Islam tradisional. Melalui sistem ini bukan hanya merujuk kepada proses pembelajaran secara lisan iaitu guru menyampaikan dan membacakan teks daripada kitab-kitab tertentu malahan pendekatan ini juga bagi menjaga rangkaian periwayatan ilmu yang menghubungkan guru dengan para ulama terdahulu, sehingga kepada Nabi Muhammad SAW. Kaedah pembelajaran yang diamalkan di Institusi pendidikan Islam tradisional ini adalah sama seperti kaedah pengajian yang dijalankan di Masjidil Haram (Suhanim Abdullah, 2014). Menurut Mohd Napiyah Abdullah (1989), pengajaran di institusi Pendidikan Islam Tradisional disampaikan dengan cara para pelajarnya duduk bersila di dalam satu bulatan yang mengelilingi tuan guru dengan membuka kitab masing-masing.

Selain itu, dalam konteks pendidikan proses pembelajaran yang diamalkan dalam Institusi pendidikan Islam tradisional merangkumi proses mendengar, penjelasan dan menerima ilmu secara lisan daripada guru. Tambahan lagi, pendekatan ini merupakan salah satu bentuk interaksi secara aktif untuk memahami makna tersurat atau tersirat yang disampaikan oleh guru. Ini menunjukkan satu gambaran bentuk komunikasi secara langsung antara guru dan pelajar. Pemindahan ilmu dalam tradisi Islam melalui guru kepada pelajar adalah untuk memastikan ilmu yang disampaikan adalah tepat dengan kefahaman yang sebenar. Seterusnya, dari segi penyampaian yang dilakukan oleh guru-guru dalam pengajian hadith di Institusi pendidikan Islam tradisional terbahagi kepada dua kaedah iaitu:

- i. Terikat dengan kitab yang dibaca (teks hadith) dengan menjelaskan setiap apa yang terdapat dalam kitab tersebut, tetapi tidak banyak menambah apa-apa ulasan yang lain. Cara inilah yang paling banyak berlaku di pondok.
- ii. Kaedah kedua ialah menjelaskan perkara yang terdapat dalam sesebuah kitab ditafsir pula secara meluas dengan berpandukan kepada kitab-kitab hadith lain yang dirujuk oleh guru-guru berkenaan serta mengikut disiplin pengajian mereka (Suhaimi, t.t).

Di samping itu, metodologi yang digunakan dalam pengajian hadith di institusi ini melalui guru akan membaca kitab hadith dari baris ke baris, dari awal muka surat hingga ke akhir kitab hadith. Guru akan memberikan terjemahan dan keterangan ringkas dan murid mengambil peranan untuk mencatat di tepi kitab supaya tidak lupa apabila hendak membuat rujukan semula. Dalam pada itu, adakah sesebuah kitab itu akan diulang baca sehingga beberapa kali untuk lebih memantapkan kefahaman pelajar-pelajarnya (Suhaimi, t.t).

Metodologi pengajian yang diterapkan sangat baik dan berkesan, kerana setiap pelajar dapat memahami setiap buah kitab yang dipelajari dengan sempurna. Tambahan pula, ada sebahagian kitab diulangi bacaannya beberapa kali. Dari sudut lain, pelajar yang terlibat perlu bersungguh-sungguh mengikuti setiap pengajian sepenuh masa. Pengajian secara bertalaqi ini memainkan peranan yang penting khususnya dalam ilmu hadith. Antaranya dapat membina kemahiran pemahaman dan pentafsiran hadith yang jelas daripada guru. Guru berperanan menerangkan setiap perbahasan dalam kalimah dan teks hadith melalui syarah (penjelasan) yang berkesinambungan daripada ulama-ulama terdahulu. Secara tidak langsung tradisi dan keaslian ilmu dapat dijaga daripada sebarang penyelewengan. Interaksi secara langsung antara guru dan pelajar mengurangkan risiko salah faham yang boleh berlaku dalam pembelajaran kendiri atau pembacaan tanpa bimbingan.

Mutala'ah

Mutala'ah dalam institusi pengajian tradisional bermaksud usaha pelajar untuk mengulangkaji, menyemak dan memahami pelajaran yang telah dipelajari daripada guru. Kaedah ini merupakan disiplin belajar secara mandiri yang sangat ditekankan dalam sistem Pendidikan Islam tradisional untuk memberi pengukuhan kefahaman dan penguasaan bagi sesuatu ilmu yang dipelajari. Pelajar akan menyemak, mengulang dan mendalami ilmu secara aktif selepas menerima pelajaran daripada guru dan merupakan proses telaah sendiri atau secara berkumpulan yang sangat penting diperlakukan. Proses *mutala'ah* boleh dilakukan sebelum kelas bermula iaitu persiapan awal daripada pelajar sebelum memasuki kelas atau selepas kelas iaitu mengulangkaji semula pelajaran yang telah dipelajari (Suhaimi, t.t).

Antara perkara yang menarik yang menjadi praktikal oleh para pelajar adalah untuk mengulangi semula apa yang dipelajari dengan mengajar atau mengajuk sepertimana yang dibuat oleh guru berpanduan catatan nota dan dhabit yang dicatat daripada pelajaran bersama guru. Sebahagian pelajar mengajar semula dengan menghadapkan diri di hadapan dinding, dan ada sebahagiannya pengajar semula kepada pelajar baru melalui kaedah *muzākarah* (Suhaimi, t.t).

Secara tidak langsung, kaedah ini akan meningkatkan pemahaman dan penguasaan ilmu serta meningkatkan daya ingatan. Pelajar juga dapat memupuk sikap berdikari dan tanggungjawab dalam menuntut ilmu dan tidak bergantung sepenuhnya kepada guru. Selain itu, kemahiran komunikasi dan keyakinan dapat dibina untuk bercakap dengan lebih lancar dan jelas. Kaedah ini sangat penting untuk membangunkan keyakinan diri dalam menyampaikan ilmu terutama ketika pelajar sudah menjadi guru pada masa hadapan.

Muzākarah

Dalam sistem institusi pendidikan Islam tradisional juga menekankan aspek *muzākarah* dalam kalangan pelajar. *Muzākarah* merupakan perbincangan ilmiah untuk mendalami dan memperkuat kefahaman dalam sesuatu pelajaran. Sebahagian pelajar lama yang telah menguasai ilmu akan dilantik menjadi kepala *mutala‘ah* bagi tujuan mengajar penuntut yang baru. Kaedah ini merupakan salah satu pendekatan pembelajaran aktif antara pelajar lama dengan pelajar baru (Tarmidi, Z., Ujang, U., Sidek, A., & Md Nasir, A. N., 2022). Pendekatan yang digunakan adalah dengan pelajar baru boleh mengambil manfaat ilmu dan pengalaman yang telah diperolehi oleh pelajar lama disamping secara tidak langsung pelajar lama dapat mengulangkaji semula serta memperkuuh ilmu yang telah dipelajari. Pada waktu yang sama, pelajar baru diberi peluang untuk bertanyakan soalan dan proses pembelajaran secara berterusan akan dapat dilaksanakan.

Kaedah ini juga meningkatkan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar lama dengan kemahiran menyampaikan ilmu dengan jelas dan sabar kepada pelajar baru. Selain itu, pelajar juga akan diasah dengan tanggungjawab ilmiah dalam memastikan ilmu yang dipelajari dan diajar semula adalah benar dan sesuai dengan pengajaran yang telah diambil daripada guru. Hal ini menunjukkan pengajar di institusi pendidikan Islam tradisional bukan hanya ditumpukan kepada bertalaqi dengan guru sahaja malah berlaku dalam kalangan pelajar.

Muḥāfazah

Muḥāfazah atau kaedah hafalan merupakan tradisi keilmuan yang masih dipertahankan hingga kini, dan penggunaannya dapat ditelusuri sejak zaman Rasulullah SAW. Para ulama silam turut menjadikan kaedah ini sebagai strategi pemeliharaan hadith-hadith Rasulullah SAW, memastikan ketulenan dan kesinambungan penyampaian ilmu. Pelajar diminta untuk menghafal hadith tertentu seperti hadith-hadith yang terkandung di dalam kitab *Matan al-Arba‘in* yang ditulis oleh Imam al-Nawawi (Mohd Napiah Abdullah, 1989). Di institusi tradisional, pelajar bukan sahaja dituntut untuk menghafal hadith tetapi juga diwajibkan menguasai hafalan matan-matan yang berkait rapat dengan disiplin ilmu yang dipelajari.

Hafalan matan merupakan peringkat awal dalam penguasaan ilmu yang diamalkan di institusi tradisional sebelum pelajar melanjutkan kepada peringkat yang lebih mendalam. Sebagai contoh, pelajar institusi tradisional akan menghafal *Al-Manzumah al-Bayquniyyah* sebelum memahami syarahnya secara lebih terperinci. Secara tidak langsung, amalan menghafal ini akan membentuk disiplin dan komitmen dalam kalangan pelajar untuk sentiasa mengulang dan menyemak hafalan supaya terus kekal dalam ingatan dalam jangka masa yang panjang. Dengan itu, keaslian dan kesinambungan tradisi disiplin ilmu Islam dapat dipelihara dengan baik.

Pemberian Ijazah oleh Guru

Pemberian ijazah oleh guru merupakan salah satu amalan yang penting diamalkan dalam institusi tradisional sebagai satu bentuk atau isyarat menandakan kelulusan dan kebenaran seorang pelajar untuk mengajarkan ilmu yang telah dipelajari daripada gurunya. Salah satu bentuk ketulenan ilmu yang terdapat dalam institusi tradisional adalah mempunyai makna yang

tersirat dari sudut rohani dan epistemologi ilmu yang berperanan menjaga sanad keilmuan seterusnya memastikan ketulenan penyampaian ilmu dari satu generasi kepada generasi seterusnya (Suhaimi, t.t).

Pelaksanaan pemberian ijazah daripada guru diberi apabila pelajar melalui kesemua proses yang disenaraikan di atas dan pelajar juga akan dinilai oleh guru setelah mencapai tahap penguasaan tertentu. Penilaian yang dibuat merangkumi semua aspek dari sudut ilmu, akhlak, kesungguhan dan kesediaan pelajar untuk mengambil tanggungjawab menyebarkan ilmu. Pemberian ijazah tersebut kadangkala dilaksanakan dalam masjlis yang tertutup dan guru akan menyebut dengan jelas bahawa pelajar tersebut diberi keizinan untuk menyampaikan ilmu dan diberi amanah untuk terus menyambung tradisi ilmu Islam. Kebiasannya, pemberian ijazah ini dilakukan setelah selesai pengajian keseluruhan bagi sesebuah kitab. Pada beberapa keadaan, ada sebahagian guru yang memberikan ijazah secara bertulis.

Secara keseluruhan, pemberian ijazah oleh guru akan menjadi satu bentuk pemeliharaan ketulenan ilmu melalui sanad. Dalam tradisi ilmu Islam sangat mementingkan kesinambungan ilmu yang diajarkan bersambung dengan guru-guru terdahulu sehingga kepada insan yang paling mulia iaitu Nabi Muhammad SAW. Pada waktu yang sama, hal ini menunjukkan tanggungjawab ilmiah yang ditunjukkan oleh guru dalam memberi ijazah kepada pelajarnya untuk meneruskan tradisi penyampaian ilmu dengan amanah dan jujur. Seterusnya, pemberian ijazah berfungsi sebagai konteks pembinaan jaringan ilmiah dan sosial yang mewujudkan persaudaraan ilmu dalam terus menyebarkannya kepada generasi yang seterusnya.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, antara aspek yang diberikan penekanan dalam pengajian hadith di Institusi pendidikan Islam tradisional di Perak ialah silibus hadith yang dimasukkan dalam pengajian. Seterusnya, dari sudut pendekatan pengajian yang memainkan peranan penting dalam memartabatkan pengajian hadith melalui beberapa pendekatan klasik dan bersistem seperti seperti *muqābalah*, *mutala'ah*, *muzākarah*, *muhāfazah* dan pemberian ijazah oleh guru. Pendekatan ini bukan hanya tertumpu kepada pengajian hadith sahaja, juga diamalkan dalam disiplin ilmu yang lain. Setiap pendekatan ini berfungsi bukan sekadar untuk menyampaikan ilmu malah juga untuk memastikan ketulenan dan kesinambungan tradisi keilmuan Islam. Tambahan pula, tradisi ilmu dapat diwarisi secara tepat tanpa ada penyelewangan. Melalui tradisi ini juga bukan sahaja berperanan dalam melahirkan pelajar yang mampu untuk mengatur idea dan maklumat secara sistematik untuk disampaikan kepada masyarakat, bahkan akan membina masyarakat yang beradab dan bertanggungjawab dalam menyebarkan ilmu khususnya dalam pengajian hadith.

RUJUKAN

- Amalul Izzah bt. Hassan. (2003). *Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak dari Tahun 1995 Hingga 2002: Satu Analisis*. (Kertas Projek, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Mohamad Faizal Abd Rahman, Suhaimi Abdul Wafir, Munazzahah Zulkifli. (2024). *Metode Pengajian Hadith Di Universiti Sultan Azlan Shah (Usas): Implikasi Terhadap Pembentukan Pemikiran Kritis*. Prosiding persidangan World Conference on Islamic Thought and Civilization (WCIT2024). Kuala Kangsar: Universiti Sultan Azlan Shah (USAS).
- Mohd Napiyah Abdullah. (1989) *Pengajian Hadis Di Institusi Pondok: Satu Kajian Di Daerah Baling, Kedah*. Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies, 10. pp. 31-42. ISSN 0216-5636.
- Pemerhatian pengkaji (Suhaimi Abdul Wafir) melalui pengamatan, pengalaman yang pernah melalui sistem ini lebih kurang selama 7 tahun bermula 1986-1992 di Madrasah Ribat al-Ta'lim al-Tarbiyyah al-Islamiyyah, Batang Berjuntai, Kuala Selangor dan Al-Madrasah al-Diniyyah al-Bakriyyah, Terusan Limbat, Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan.
- Ramli Awang. (2006). *Perkembangan Institusi Pondok Di Nusantara: Pengaruhnya Di Negeri Kedah*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- S.S. Abu Bakar, D. Janan, A. Lambri, N.R. Ruzuwan. “*Kaedah Pengajaran Di Institusi Pengajian Pondok*”. The Online Journal of Islamic Education December 2019, Vol. 7, Issue 2.
- Suhaimi Abdul Wafir. (2006). *Pengajian Hadith Di Negeri Perak: Suatu Kajian Di Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah, Ipoh, Perak*. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Suhaimi Abdul Wafir. (t.t). *Dato' Tuan Guru Haji Abdul Latif Abdul Rahman (1938m-2010m): Sumbangan Terhadap Pengajian Hadith Di Pondok Al-Madrasah Al-Latifiyyah, Pengkalan Hulu, Perak*. Kuala Kangsar: Kolej Islam Darul Ridzuan (Kisdar).
- Suhanim Abdullah. (2014). *Pemikiran Tokoh Ulama Banjar Kedah*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Tarmidi, Z., Ujang, U., Sidek, A., & Md Nasir, A. N. (2022). *Penilaian keberkesanan pembelajaran aktif segerak dan tidak segerak secara atas talian bagi kursus Pengurusan Geoinformasi*. Journal of ICT in Education, 9(2), 16–33.
- Temubual bersama Tuan Guru Hj. Abd. Latif bin Abd. Rahman, Pengetua al-Madrasah al-Latifiyyah (Mei 2005), di rumah beliau, beralamat Kampung Pondok Kuak Hulu, 33100 Pengkalan Hulu, Hulu Perak, Perak.